

MUIP laksana pemutihan senarai asnaf bantuan zakat

Majlis kenal pasti ada penerima miliki simpanan ratusan ribu

Kuantan: Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) mengenal pasti terdapat penerima bantuan zakat bulanan daripada agensi itu mempunyai wang simpanan hingga ratusan ribu.

Sehubungan itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya (Baitulmal dan Operasi), Dr Asmadi Abdul Rahman, berkata penting bagi melaksanakan pemutihan supaya bantuan zakat hanya disalurkan kepada individu yang sememangnya layak.

Katanya, selepas melaksanakan pemutihan pihaknya akan menamatkan bantuan kepada mereka yang keluar dari Pahang, tidak dapat dihubungi dan pendapatan sudah tidak melayakkan mereka bergelar asnaf.

“Terkini kami sedang kenal pasti lagi individu mempunyai simpanan dalam bank. Ada yang kami dapati mempunyai simpanan hingga ratusan ribu dan masih menerima bantuan.



Asmadi (tiga dari kiri) menyerahkan bantuan motosikal kepada asnaf untuk program 'MUIP Food Rider' selepas Majlis Agihan Bantuan Zakat di Kuantan, semalam.

(Foto FB Asmadi Abdul Rahman)

“Selepas semakan dan pengesahan dilaksanakan, kita akan hentikan bantuan kepada mereka serta-merta,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Agihan Bantuan Zakat, di sini semalam.

11,146 penerima

Asmadi berkata, bantuan yang diberikan adalah untuk menampung keperluan dan bukan sebagai tabungan.

Katanya, pihaknya turut men-

gadakan kerjasama dengan ketua kampung serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam melaksanakan pemutihan.

Beliau berkata, hingga kini MUIP merekodkan 11,146 penerima bantuan bulanan di seluruh Pahang yang menerima bantuan dalam bentuk tunai dan baucar.

Pada majlis berkenaan, lebih RM410,551 wang zakat diagihkan bagi tujuan sumbangan komputer riba kepada anak asnaf yang akan

melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi dan pembiayaan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pelajar miskin cemerlang.

Selain itu, buat julung kalinya MUIP melaksanakan program 'MUIP Food Rider' dengan menyediakan bantuan motosikal kepada 10 asnaf bagi menjana pendapatan sebagai penghantar makanan.

BERNAMA